

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24

### OPR berpotensi kekal jika inflasi mereda



BAGI keseluruhan 2022, kadar inflasi Malaysia adalah 3.3 peratus, sejajar dengan unjuran Kementerian Kewangan dalam Laporan Tinjauan Ekonomi 2023.

#### EKONOMI

## OPR BERPOTENSI KEKAL JIKA INFLASI MEREDA

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Irwan Shafriazn Ismail  
bisnes@hmetro.com.my

Putrajaya

**K**adar Dasar Semalam (OPR) berpotensi kekal pada paras 2.75 peratus jika kadar inflasi di negara ini terus mereda pada bulan-bulan akan datang, demikian pandangan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, secara teori, bank pusat akan menggunakan dasar monetari, iaitu menerusi OPR untuk mengekang tekanan inflasi dalam pasaran tempatan, dengan jangkaan pengguna akan kurang berbelanja dan sekali gus akan meredakan pemasaran inflasi dipacu permintaan.

Katanya, berdasarkan perangkaan semasa, kadar inflasi di negara ini sudah mereda dengan mencatatkan kadar 3.8 peratus pada Disember 2022.

Malah, jelasnya, bagi keseluruhan 2022, kadar inflasi Malaysia adalah 3.3 peratus, yang sejajar dengan unjuran oleh Kementerian Kewangan dalam Laporan Tinjauan Ekonomi 2023.

Katanya, faktor yang memacu inflasi dalam pasaran tempatan adalah sebahagian besarnya disumbangkan harga makanan, yang mana orang membeli makanan di luar.

"Kalau kita tengok kepada angka inflasi, yang paling utama

memacu inflasi adalah barang makanan siap yang kita beli di luar sama ada di restoran atau di hotel.

"Jika OPR pada paras 2.75 peratus dan kadar inflasi terus mereda pada Januari dan Februari, itu akan menunjukkan OPR boleh kekal pada 2.75 peratus," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada minggu lalu telah membuat keputusan mengejut dengan mengekalkan OPR pada paras 2.75 peratus selepas empat kenaikan secara berturut-turut.

Bank pusat sudah menaikkan OPR empat kali berturut-turut bermula Mei, Julai, September dan November lalu, dengan masing-masing meningkat sebanyak 25 mata atas kepada 2.75 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 peratus sebelumnya.

Keputusan MPC mengekalkan penanda aras pinjaman itu adalah luar jangkaan susulan sebahagian besar pengamalans menjangkaikan kenaikan ke paras sebelum pandemik iaitu kenaikan 0.25 peratus lagi.

Dengan langkah terkinin BNM mengekalkan OPR pada 2.75 peratus, terdapat penganalisis menjangkakan bank pusat itu berkenungkian meneruskan pendirian berkenaan untuk mengekal OPR pada paras itu berikut kereduan kenaikan pantas inflasi dan tinjauan ekonomi global yang semakin kurang membarringskan.



“  
Yang paling utama memacu inflasi adalah barang makanan siap yang kita beli di luar  
Rafizi